

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Mimos – developed Mi-Mist simplifies IoT	The Star
2.	Agensi kerajaan berdepan serangan siber	Berita Harian
3.	Kenderaan perdagangan wajib pasang	Berita Harian
4.	Commercial vehicles required to have light reflectors beginning January	BERNAMA
5.	Lima cadangan untuk Bajet 2017	Sinar Harian
6.	IAEA to conduct Malaysia's first Nuclear infrastructure review next week	BERNAMA
7.	Malaysia bangunkan stesen jana kuasa elektrik tenaga nuklear	Utusan Malaysia
8.	Digi wujud kesedaran tangani pembuli siber 'us & cyberbullying'	Sinar Harian



Mimos-developed Mi-Mist simplifies IoT



Connecting things: Thillai said Mi-Mist will be continuously improved to support more IoT standards moving forward.

Mimos Bhd's latest creation, the Mi-Mist (Mimos Internet Services of Things) platform aims to be universal connector for devices in the IoT (Internet of Things) ecosystem.

IoT refers to the internetworking of connected devices – such as home appliances, devices, buildings, sensors and actuators.

The devices collect data from our surroundings which will then be converted into meaningful information such as weather patterns, air quality and temperature.

“When the devices react to the environment, data will be captured, transferred and transformed into new information and knowledge, which can be utilised in various applications such as automated home appliances, smart homes, smart farming and smart manufacturing,” said Mimos chief technology officer Thillai Raj.

However, IoT implementations are tough, due the complex system integration involved.

“In most cases, the data obtained is not integrated due to multiple standards, formats, and protocols,” said Thillai, adding that different manufacturers have their own proprietary standards.

This leads to a serious problem where the devices from different manufacturers often do not “talk to each other” according to Thillai.

“Take languages for example. In Malaysia, we speak multiple languages and the same goes for machines and applications. There is a need for platforms to speak in a single language for everything to work together in IoT, and that led to the creation of Mi–Mist.”

By allowing the devices to talk to each other, Mi Mist helps speed up IoT deployment.

“This also reduces market entry barriers by decreasing application development cost and services for IoT players, according to Thillai.

“We designed and built the Mi–Mist as a platform within our complete software solution stack, which also includes Big Data Analytics, cloud computing, security, artificial intelligence and enterprise systems.”

The Mi–Mist platform was also used for Malaysia’s first smart lock-up management system deployed at Jinjang prison in collaboration with the Royal Malaysian Police.

It allowed CCTV cameras, sensors and monitoring systems to connect seamlessly.

Mi–Mist is currently being used in tracking the export of Musang King durians and birds nests to China.

It’s also being put to use in chiller management systems in commercial and industrial facilities, fleet management systems for buses and trucks and video surveillance systems.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (KESELAMATAN) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 6 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

PERSIDANGAN JENAYAH KEWANGAN DAN MEMBIAYAI KEGANASAN ANTARABANGSA (IFCTF) 2016

Agensi kerajaan berdepan serangan siber

➔ Malware botnet aktif curi maklumat, lumpuh pertahanan serang server utama

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelbagai agensi di negara ini, termasuk berkaitan keselamatan, perisikan dan penguatkuasaan, ketika ini berdepan serangan hampir sejuta 'malware botnet'.

Malware botnet merujuk kepada perisian hasad robot jaringan, seakan tentera siber yang disebarkan penggadam untuk pelbagai tujuan.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata pengesanan awal mendapati perisian yang menceroob pelbagai gajet seperti komputer, telefon pintar dan server atau pelayan di seluruh negara itu berada dalam keadaan tidak aktif.

"Ia memang sengaja dibiarkan dalam keadaan itu bagi mengelak daripada dibuang pakar perisian."

"Malware ini akan bertukar aktif untuk melakukan tugas tertentu seperti mencuri maklumat, melumpuhkan pertahanan dan menyerang server utama apabila tiba masanya."

Kurang diberi perhatian

"Modus operasi penggadam yang menyebarkan perisian ini masih kurang diberi perhatian kerana belum ada ancaman," katanya selepas diundang sebagai panel khas sempena Persidangan Jenayah Kewangan dan Membiayai Keganasan Antarabangsa (IFCTF) 2016, semalam.

Amirudin berkata, pasukan CyberDEF untuk mengesan, menghapuskan dan menyiasat penyebaran perisian berkenaan giat di-



la memang sengaja dibiarkan dalam keadaan itu bagi mengelak daripada dibuang pakar perisian"

Amirudin Abdul Wahab,
Ketua Pegawai Eksekutif
CyberSecurity Malaysia

jalankan mencakupi semua agensi kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, pasukan terbabit memerlukan pengesanan dan kelulusan untuk menyamak sistem perisian, selain menapis maklumat dan server.

"Malware ini tidak boleh dikesan menggunakan antivirus biasa kerana sudah diubah suai penggadam, justeru kita perlukan kerjasama semua pihak," katanya.

Ejen Khas Biro Siasatan Persekutuan (FBI), Michael Eubanks, berkata jenayah siber ketika ini sudah menjadi seperti sebuah perniagaan yang merangkumi jutaan rangkaian di seluruh dunia.

Beliau berkata, setiap negara tidak terkecuali daripada ancaman siber, justeru usaha bersepadu membabitkan semua agensi dan pakar perisian perlu digembleng untuk menangannya secara menyeluruh.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (DASAR & PENTADBIRAN) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 6 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

PELEKAT PEMANTUL CAHAYA

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]



Nadzri (tengah) menunjukkan pemantul cahaya yang mematuhi piawaian dan pengiktirafan SIRIM pada sidang media di Putrajaya, semalam.

**Fakta
nombor**

1.2 JUTA

jumlah kenderaan perdagangan di negara ini tahun lalu

400 METER

jarak pelekat asli mampu dilihat pada waktu malam

Kenderaan perdagangan wajib pasang

➔ Hanya dua produk diiktiraf SIRIM boleh digunakan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Bermula 1 Januari depan, semua kenderaan perdagangan di seluruh negara diwajibkan memasang pelekat pemantul cahaya pada bahagian belakang dan sisi kenderaan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Nadzri Siron, berkata pelekat yang digunakan itu hendaklah mematuhi piawaian Malaysia Standard

MS828:2011 yang mendapat pengiktirafan SIRIM.

"Buat masa ini hanya ada dua jenis produk pemantul cahaya yang mendapat pengiktirafan SIRIM QAS International iaitu dikeluarkan syarikat 3M Malaysia Sdn Bhd dan Orafol Reflective Solution (Malaysia) Sdn Bhd.

Kurang kadar kemalangan

"Pelekat ini dijual pada harga antara RM60 hingga RM80 dan akan dibekalkan dua syarikat terbabit untuk dijual di kedai aksesori serta Pusat Pemeriksaan Kenderaan Ber-

komputer (PUSPAKOM).

"Langkah mewajibkan pemasangan pelekat ini juga sebagai sebahagian usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya membabitkan kenderaan berat," katanya pada sidang media selepas sesi taklimat pemasangan pelekat itu bersama persatuan pengusaha kenderaan perdagangan sini, malam tadi.

Nadzri berkata, kenderaan perdagangan yang gagal mematuhi pemasangan pelekat berkenaan boleh dikenakan denda RM300.

Katanya, JPJ juga akan beker-

jasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi melakukan pemeriksaan di kedai aksesori yang menjual pelekat tiruan.

"Hasil pemeriksaan awal kita dapat memang ada pihak yang menjual pelekat tiruan, termasuk menggunakan logo JPJ bagi menarik pembeli.

"Namun kita mempunyai alat khusus untuk memeriksa sama ada pelekat itu asli atau tiruan. Pelekat asli mampu dilihat pada jarak 400 meter pada waktu malam," katanya.



Commercial Vehicles Required To Have Light Reflectors Beginning January



PUTRAJAYA, (Bernama) -- All commercial vehicles are required to install light reflectors effective January next year, Road Transport Department (RTD) Director-General Datuk Nadzri Siron said today.

He said the light reflectors used must comply with the Malaysian Standard MS828:2011 recognised by **SIRIM**.

"Owners of commercial vehicles who do not fix the SIRIM standard light reflectors by that time will be fined RM300 and ordered to install the reflector," he said at a media conference, here today.

Nadzri said the move was being enforced following the numerous

accidents at night involving commercial vehicles frequently parked by the roadside due to a breakdown.

He said that out of the more than 18 million vehicles registered with the RTD, 1.2 million were commercial vehicles.

Earlier, he attended a briefing on the installation of light reflectors attended by representatives of companies, commercial vehicle operators and owners together with the RTD, SIRIM and Puspakom.

Nadzri said currently, only two companies were selling the light reflector products recognised by SIRIM QAS International namely 3M Malaysia Sdn Bhd and Orafol Reflective Solutions (Malaysia) Sdn Bhd, with each product being sold at between RM60 to RM80 at Puspakom and several companies appointed by the suppliers.

-- BERNAMA

Lima cadangan untuk Bajet 2017

Pergetah mahu harga getah dinaikkan, mahu diberi perhatian oleh perdana menteri

BALING - Persatuan Pengusaha dan Penoreh Getah Negeri Kedah (Pergetah) menggariskan lima cadangan menaikkan harga getah yang perlu diberi perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi pembentangan bajet bulan ini.

Pengerusinya, Mohd Taufik Yaacob berkata, cadangan pertama adalah mempercepatkan proses pembinaan Bandar Raya Getah di Kedah.

Menurutnya, pembinaan Bandar Raya Getah akan membantu melonjakkan pasaran harga getah negara tanpa bergantung kepada dunia.

"Bandar Raya Getah ini sudah lama dijanjikan, jadi saya harap dalam bajet kali ini ada pengumuman khas berkenaan pembinaan bandar raya

tersebut," katanya di Pejabat Pergetah di sini, semalam.

Beliau berkata, Pergetah juga berharap pelaksanaan jalan raya getah yang dicadangkan oleh kerajaan turut dimasukkan ke dalam bajet bulan ini.

"Jika getah dijadikan bahan campuran dalam tar, ia akan membuatkan jalan tersebut lebih tahan lama dan berkualiti, permintaan getah akan bertambah serta menaikkan harga getah.

"Cadangan ketiga, Pergetah minta kerajaan umum dalam bajet elaun bulanan seperti yang diterima nelayan diberi kepada seluruh penoreh, lebih-lebih lagi dalam musim tengkujuh," katanya.

Mohd Taufik berkata, pemberian elaun bulanan adalah relevan memandangkan harga getah masih di paras



Mohd Taufik Yaacob (empat, kanan) bergambar bersama pegawai Sirim dan penduduk selepas memantau progres Perintis Tangki Ikan Sirim-Pergetah di Kampung Bechah Tok Bulan, Dalam Wang, Mukim Siong, semalam,

rendah.

"Sudahlah harga getah masih belum pulih, penoreh pula dilanda musim tengkujuh yang menyebabkan pendapatan mereka lebih

terjejas," katanya.

Terdahulu, Pergetah bersama-sama Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) turun padang memantau progres Perintis

Tangki Ikan Sirim-Pergetah di Kampung Bechah Tok Bulan, Dalam Wang, Mukim Siong.

Tambahnya, penetapan harga lantai juga perlu diambil kira oleh perdana menteri.

"Harga lantai perlu diwujudkan kerana jika kita biar harga pasaran ditentukan oleh kilang, pihak tersebut tidak sewenang-wenang memonopoli harga getah.

"Pergetah cadang kerajaan laksanakan harga lantai RM3 hingga RM3.50 bagi sekilogram hasil getah," katanya.

Bagi cadangan terakhir katanya, bantuan tanaman semula oleh Risdia dimasukkan juga ke dalam bajet kali ini.

"Pergetah minta bantuan tanaman semula dibuat semula untuk menggalakkan orang kampung menanam getah, inilah hasil utama orang kampung.

"Bantuan ini sudah dihentikan pada awal tahun ini, jadi perdana menteri perlu memasukkan semula untuk beri bantuan kepada pekebun dan penoreh," katanya.



IAEA To Conduct Malaysia's First Nuclear Infrastructure Review Next Week

PUTRAJAYA, (Bernama) -- Next week, International Atomic Energy Agency (IAEA) experts will be in the country to conduct the first Integrated Nuclear Infrastructure Review (INIR), says Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC) chief executive officer Mohd Zamzam Jaafar.

He said the 12 experts, mostly from the IAEA headquarters in Vienna, Austria would review Malaysia's state of preparedness for nuclear energy development, from Oct 10 to 17.

"Malaysia is almost there (for nuclear energy development) but there are still certain things that need to be done," he said, adding they included the tabling for nuclear energy bill and identifying a site for nuclear energy programme.

Mohd Zamzam told a media briefing here today that the outcome of Malaysia's INIR review would be out by year-end, and was optimistic it would be a positive review.

He said Malaysia had also submitted its self-assessment to IAEA, with all the necessary documents in May this year.

On nuclear programme awareness in Malaysia, Mohd Zamzam said most Malaysians had negative impression when they heard the word, 'nuclear'.

"MNPC will conduct education programmes to spread information on nuclear energy for power generation," he said, adding that currently, nuclear energy in Malaysia was only in medical and agricultural sectors.

MNPC, he said, forecasted that Malaysia would only be able to have its own nuclear programme for energy generating purposes after 2030.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 6 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

Malaysia bangunkan stesen jana kuasa elektrik tenaga nuklear

Oleh ZAHARUDDIN ALI

pengarang@utusan.cpm.my

PUTRAJAYA 5 Okt. - Malaysia perlu membuat keputusan sama ada mahu meneruskan rancangan untuk membina stesen jana kuasa elektrik tenaga nuklear sebagai satu lagi opsi sumber tenaga, kata Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Nuclear Power Corporation (MNPC), Mohd Zamzam Jaafar.

Menurut beliau, jika kerajaan memberi persetujuan, hasrat untuk membangunkan loji jana kuasa elektrik tenaga nuklear hanya boleh direalisasikan selepas tahun 2030.

Bercakap dalam satu sesi perbincangan meja bulat dengan media di sini, katanya, pada masa ini Malaysia masih belum lagi mengenal pasti tapak untuk projek tersebut selain undang-undang yang sedia ada perlu dipinda untuk disesuaikan dengan keperluan semasa.

Undang-undang yang ada jelas beliau, memerlukan pindaan khususnya membabitkan isu-isu pelesenan, liabiliti dan keselamatan.

MNPC ditubuhkan pada 2011 yang antara lain berperanan sebagai badan yang akan menerajui program pembangunan

tenaga nuklear di Malaysia dan mengambil tindakan yang perlu bagi merealisasikan pembangunan loji jana kuasa elektrik nuklear yang pertama di Malaysia.

Di bawah rancangan tersebut, MNPC merancang untuk membina loji jana kuasa nuklear yang membabitkan dua menara, berkeupayaan menjana 1,000 megawatt elektrik setiap satu dengan anggaran kos RM21.3 billion.

Bagaimanapun, anggaran kos itu dibuat pada tahun 2010 dan mungkin kini harganya telah meningkat berkali ganda.

Pada masa ini, tenaga elektrik di Malaysia dijana melalui loji gas dan arang batu, masing-masing memenuhi 45 peratus keperluan tenaga elektrik manakala 10 peratus lagi menerusi loji haidro. Loji nuklear akan mengambil alih keperluan tenaga tambahan pada masa akan datang.

Sehubungan itu, Mohd. Zamzam menambah, sekumpulan 12 pakar daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) akan berada di Malaysia dari 12 hingga 17 Oktober untuk menjalankan kajian berhubung kesediaan Malaysia mengendalikan isu-isu berhubung pembangunan nuklear.

Katanya, ini adalah kali pertama pakar-pakar IAEA dari ibu pejabat mereka di Vienna

berkunjung dan menjalankan kajian terhadap kesediaan Malaysia mengendalikan pembangunan nuklear.

Hasil daripada kajian mereka itu akan hanya diumumkan menjelang akhir tahun ini, sambil menambah, nuklear di Malaysia kini hanya digunakan untuk tujuan perubatan dan pertanian.

Beliau yakin Malaysia akan memperoleh keputusan yang positif berhubung kajian yang dijalankan.

Mohd. Zamzam menambah, pada masa ini beberapa negara di dunia termasuk Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bangladesh, Turki dan Belarus sedang membangunkan loji tenaga nuklear untuk menghasilkan elektrik di negara masing-masing.

Ditanya mengenai tahap kesediaan rakyat Malaysia berhubung pembangunan nuklear, katanya, lebih banyak maklumat perlu kerana mereka secara umum mempunyai pandangan negatif mengenainya.

Di sini perlunya ditekankan pembangunan yang dicadang ini hanyalah untuk menjana kuasa elektrik dan loji yang dirancang memenuhi piawaian keselamatan antarabangsa dan mesra alam sekitar.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 6 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

Digi wujud kesedaran tangani pembuli siber 'us & cyberbullying'

DIGI Telecommunications Sdn Bhd (Digi) mengadakan program 'Us & Cyberbullying', bagi memberi kesedaran kepada orang ramai, terutama ibu bapa dan generasi muda, tentang pembuli siber.

Dalam satu kenyataan, Digi berkata, program itu bermatlamat mendekati orang ramai, sekali gus menyedarkan mereka kepentingan menjaga keselamatan di internet, selain mendedahkan peranan menentang pembuli siber.

Ketua Komunikasi dan Kelestarian Digi, Quah Yean Nie berkata, Digi komited membantu pelanggan membina daya tahan digital mereka, selaras dengan komitmen Digi melindungi kehidupan digital pelanggan.

"Selama bertahun-tahun, kami bekerja dengan beberapa rakan kongsi untuk membantu pelajar sekolah dan warga pendidik, belajar untuk mengenal pasti risiko dan melengkapkan diri mereka, dengan cara yang selamat dalam talian, menerusi bengkel dan aktiviti berkaitan.

"Peranan ibu bapa dan pendidik penting untuk mewujudkan ekosistem sihat di mana kanak-kanak dan remaja berasa yakin, melibatkan diri dalam dialog dan mempunyai ruang selamat, berdepan cabaran," katanya.

Program disokong Astro, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia, Unicef Malaysia dan CyberSecurity Malaysia, Save the Children, Generasi Gemilang serta Children Malaysia.